

PROFESIONALISME KEWARTAWANAN
DI MALAYSIA
Syed Arabi Idid

Essei ini bertujuan mengkaji sikap wartawan terhadap pekerjaan mereka, serta mengaitkannya kepada beberapa isu. Kajilidikan komunikasi, kebanyakannya, menumpukan perhatian terhadap saluran, utusan dan khalayak, dan secara tidak menyadarinya, telah mengabaikan kajian terhadap peranan komunikator atau penyampai utusan di dalam proses komunikasi (Nayman, 1973). Fahaman yang lebih mendalam terhadap peranan yang dimainkan oleh penyampai utusan adalah penting kerana ia dapat, sedikit sebanyaknya, menjelaskan lagi proses komunikasi yang berlaku di dalam masyarakat kita.

Kebanyakan media massa di negara membangun adalah tertumpu di kawasan bandar. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk adanya kemudahan seperti pembekalan elektrik yang membolehkan penggunaan mesin cetak, sistem pemasaran yang baik, daya pembeli, serta terdapat juga calon yang berkelayakan untuk diambil bekerja sebagai pemberita dan penyunting (Pool, 1963).

Terdapat beberapa ciri mengenai institusi media massa di negara membangun selain daripada soal penyebaran. Misalnya pendapatan wartawan adalah jauh lebih rendah daripada pekerja iktisas yang lain seperti doktor atau peguam. Dario Menanteau-Horta, (1967)

mendapati wartawan di Chile, Amerika Selatan, terpaksa membuat pekerjaan yang lain kerana gaji yang mereka perolehi adalah rendah. Keadaan yang seakan serupa terdapat di Filipina di mana lebih daripada 70 peratus pengarang akhbar daerah (luar Manila) sebenarnya bekerja dengan organisasi lain, malahan kebanyakan menganggapkan pekerjaan mereka sebagai sambilan sahaja (Maslog, 1969).

Di Kanada pula para wartawan didapati meninggalkan pekerjaan mereka kerana kurang berpuashati dengan gaji yang diterima mereka (Wilson, 1966). Tidak dapat dinafikan pula akan jumlah yang masih kecil sebagai wartawan walaupun mereka menghadapi tekanan negatif dari segi penerimaan gaji yang rendah. Adalah dianggapkan bahawa dengan gaji yang lebih tinggi para wartawan akan bertambah komited terhadap pekerjaan mereka. Ada kajian menunjukkan bahawa wartawan yang berpuashati adalah mereka yang benar-benar komited terhadap pekerjaan mereka (Chong dan Jin, 1974).

Kajian terhadap kewartawanan sebagai satu profesi dapat memberikan ukuran mengenai peranan, dan perasaan wartawan dan juga pendapat mereka terhadap beberapa isu semasa. Misalnya, Breed (1955) mendapati bahawa para wartawan yang menganggapkan diri mereka sebagai profesional merasakan lebih bebas dalam menyempurnakan tugas mereka berbeza daripada mereka yang tidak beranggapan sedemikian. Kajian yang pernah dilakukan untuk mengukur kewartawanan sebagai satu profesi seperti yang tersebut di atas lebih merupakan

kajian deskriptif, tetapi hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa wartawan yang bersifat profesional mempunyai beberapa ciri yang berlainan daripada mereka yang tidak bersifat demikian (Alsop dan Alsop, 1958; Gallagher, 1971; Head, 1963; Rivers, 1952; Rosten, 1937; Schramm, 1957).

Ada kajian yang berbentuk tabii telah dilakukan mengenai aspek profesionalisme di dalam bidang kewartawanan, seperti kajian oleh McLeod dan Hawley (1964) yang bertujuan mengukur atribut profesionalisme di kalangan para wartawan. Ukuran McLeod-Hawley telah digunakan dalam kajian di India (Eapen, 1969), Turki (Nayman, 1970), Sweden (Windahl dan Rosengren, 1976), dan di Kanada (Wright, 1974). Ianya juga telah digunakan untuk mengukur atribut profesionalisme di kalangan pengiklan (Ward, 1966), pemberita television (Idsvoog dan Hoyt, 1977), jurugambar (Coldwel;, 1974; Slattery dan Fosdick, 1979), wartawan di Amerika Syarikat (Lattimore dan Nayman, 1974; Linehan, 1970), para pengamal perhubungan awam di Malaysia (Idid, 1981; Idid, 1980), dan juga dalam bidang penyiaran radio (Wright, 1974; 1974b).

Walaupun Lattimore dan Nayman (1974), Linehan (1970), Eapen (1969), Nayman (1970) dan Wright (1974) menemui hasil yang seakan sama dengan apa yang diperolehi oleh McLeod dan hawley (1964), tetapi terdapat beberapa perbedaan di antara wartawan di negara membangun dan negara maju (Edelstein, 1982); Windahl dan Rosengren, 1978). Taraf pembangunan

negara, sistem politik yang berlainan, penumpuan sejarah dan kebudayaan yang berlainan mempengaruhi sikap profesionalisme wartawan di negara maju dan sedang membangun (Edelstein, 1982). Walau bagaimanapun, skala profesionalisme McLeod-Hawley mempunyai validiti kerana ianya telah digunakan di dalam beberapa buah negara, profesi dan kebudayaan.

Kajian ini telah menggunakan ukuran McLeod-Hawley ke atas wartawan yang sedang berkhidmat dengan pertubuhan-pertubuhan akhbar di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya untuk mengetahui akan orientasi profesionalisme mereka.

Profesionalisme

Seseorang yang bersifat profesional dikatakan mempunyai beberapa ciri yang diperlukan oleh pekerjaanya atau yang akan diwujudkan oleh ahli di dalam pekerjaan tersebut. Misalnya, adalah merupakan satu etika bagi seorang peguam atau doktor untuk tidak memberikan apa-apa maklumat kepada orang lain mengenai pelanggan mereka. Maklumat daripada pelanggan adalah dianggap sebagai sulit.

Di dalam tinjauan semula makalah, Greenwood (1966) telah mengemukakan lima elemen yang terdapat di dalam sebarang profesi, iaitu teori yang sistematik, kewibawaan, tekanan dari masyarakat, kod etika, dan satu kebudayaan yang diterima oleh ahli profesi.

Walau bagaimanapun, Greenwood (1966) telah tidak

dapat bersetuju bahawa sebarang pekerjaan boleh dianggap satu profesi atau tidak, kerana pada anggapannya, semua pekerjaan adalah berada di dalam satu perterusan (kontinum). Pada satu pihak akan terdapat pekerjaan yang terkenal seperti perubatan atau perundangan, dan pada pihak yang lain pula akan tergolong pekerjaan seperti pertukangan yang tidak memerlukan kemahiran yang tinggi. Pekerjaan yang lain adalah terletak di dalam perterusan ini.

Ada pula ahli sains yang berpendapat bahawa sesuatu pekerjaan itu mencapai satu taraf profesi apabila pengambilan ahli baru adalah berlandaskan kepada latihan dan pengajian secara formal, kerana asas pekerjaan adalah untuk menyumbangkan perkhidmatan mahir dan penasihat yang berguna kepada individu, organisasi dan masyarakat. (Carr-Saunders, 1966; Hughes, 1965).

Kertas ini akan hanya menumpukan perhatian terhadap sikap wartawan berasaskan kriteria profesionalisme dan pendapat mereka terhadap beberapa isu semasa. Ia tidak akan membincangkan keperluan diadakan latihan di dalam bidang kewartawanan atau diadakan kelayakan minimum sebelum seorang itu diterima menjadi seorang wartawan.

Sebagai asasnya, orientasi profesionalisme adalah ditafsirkan sebagai mempunyai sifat (a) otonomi, (b) ilmu pengetahuan, dan (c) norma.

Satu hasil yang diperolehi dalam kajian profesionalisme kewartawanan ialah mengenai pendapat

pengaruh kewartawanan ke atas pendapat umum atau keputusan kebangsaan, iaitu keputusan yang diambil di peringkat nasional (Eapen, 1969; Lattimore & Nayman, 1974; Nayman & Aitken, 1973; McLeod & Hawley, 1964; McLeod & Rush, 1969; Wright, 1976). Kajian lalu menunjukkan bahawa mereka yang bersifat profesional adalah lebih berkeyakinan akan pengaruh kewartawanan membentuk pendapat umum atau apa-apa keputusan yang diambil pada peringkat kebangsaan. Oleh itu hipotesis pertama kajian ini ialah mereka yang bersikap profesional akan lebih menyatakan bahawa kewartawanan dapat mempengaruhi pendapat umum.

Hipotesis kedua ialah mereka yang bersikap profesional akan lebih menghargai peranan kewartawanan dalam mempengaruhi keputusan kebangsaan daripada mereka yang tidak berpendapat sedemikian.

Adalah diandaikan di dalam kajian ini bahawa seorang yang telah menjadikan kariernya seorang wartawan akan menumpukan tenaga terhadap pekerjaannya. Oleh kerana pekerjaan itu adalah sebatи dengan jiwanya (sebab pekerjaan itu adalah pilihannya sendiri) seseorang itu akan berusaha menjayakan cita-citanya. Sebaliknya pula akan terdapat juga mereka yang kurang berminat di dalam bidang kewartawanan pada permulaannya tetapi oleh kerana tidak ada peluang pekerjaan yang lain, lama kelamaan mereka akan terus kekal di dalam bidang tersebut. Mereka itu akan terus merasakan kurang komited jika majikan tidak dapat menarik minat dengan menawarkan kemudahan bagi menyempurnakan tugas

mereka. Oleh itu hipotesis ketiga ialah bahawa mereka yang bersikap profesional adalah lebih berpuashati daripada mereka yang tidak bersikap demikian.

Kaedah

Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang berkhidmat dalam bahagian berita (pemberita, penyunting dan pengarang) dari akhbar Berita Harian, Malay Mail, Nanyang Siang Pau, The National Echo, Sin Chew Jit Poh, The New Straits Times, Tamil Nesan, Thung Pau, Utusan Malaysia, Utusan Melayu dan kantor berita BERNAMA di Kuala Lumpur.

Soal selidik yang memakan masa lebih kurang 30 minit telah dikemukakan kepada 113 responden oleh pelajar Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengukuran utama index profesionalisme ialah ukuran yang telah digunakan oleh McLeod dan Hawley (1964) tetapi untuk menyesuaikannya di Malaysia hanya 15 soalan sahaja telah diambil, di mana 11 adalah mengenai profesionalisme dan yang baiknya adalah mengenai item yang bukan bersifat profesionalisme. Soalan mengenai ukuran index profesionalisme memberikan skor setinggi sebanyak 1 markah dan serendah sebanyak 5 markah. Formula yang telah digunakan oleh Nayman (1973) telah diamalkan iaitu $\Sigma P + (\Sigma P - \Sigma NP)$ di mana ΣP ialah jumlah skor yang diperolehi daripada soalan profesionalisme dan ΣNP ialah jumlah bukan

profesionalisme. Skor yang telah diperolehi dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Profesional Tinggi (PT), Profesional Sederhana (PS) dan Profesional Rendah (PR). Skor yang diperolehi secara berterusan adalah dari +16 hingga -18, dengan PT mempunyai skor 0 hingga +15, PS dari -1 hingga -5, dan PR dari 16 hingga -18. Seramai 39 responden adalah tergolong dalam kumpulan PT, 36 dalam PS dan 38 dalam kumpulan PR.

Soalan lain yang dikemukakan dalam kajian ini bertujuan mengetahui dengan lebih detail lagi maklumat mengenai angkubah pelajaran, jantina, pendapatan, dan kepuasan bekerja di dalam organisasi yang berkenaan.

Item Profesional

Wartawan Malaysia adalah didapati memberikan perhatian yang tinggi terhadap aspek pekerjaan yang membenarkan mereka menggunakan dayausaha dan inisiatif (Jadual 1) dan ini diikuti pula dengan pendapat bahawa kewartawanan adalah mustahak dan penting kepada masyarakat.

Soalan tentang perlunya wartawan disahkan oleh pertubuhan profesional adalah dianggap tidak begitu rendah.

Wartawan Malaysia menyatakan persetujuan mereka terhadap item yang mengukur orientasi profesionalisme, iaitu satu hasil yang sama diperolehi oleh para sarjana lain (Eapen, 1969; Nayman, 1970; McLeod & Hawley, 1964; Mc Leod & Rush, 1969).

Jadual 1
Pilihan Responden Terhadap Sifat Pekerjaan

	Amat Penting
Memberikan peluang menggunakan dayausaha dan inisiatif	68.1%
Pekerjaan ini adalah penting dalam masyarakat	66.4%
Wartawan perlu mempunyai sebuah badan untuk menjaga taraf profesional	64.6%
Kewartawanan dapat mempengaruhi pendapat umum	64.4%
Kewartawanan banyak menyumbangkan terhadap pembangunan negara	61.9%
Bersetuju supaya badan profesional mengenakan disiplin	58.4%
Bersetuju dengan kod etika	57.7%
Pekerjaan menggunakan kebolehan dan latihan	52.2%
Pekerjaan mempunyai pengaruh terhadap keputusan kebangsaan	42.5%
Tidak dikawal dengan rapi oleh penyelia	31.9%
Disahkan oleh pertubuhan profesional	22.1%

Soalan yang dikemukakan adalah mengenai peluang kenaikan pangkat, keadaan tempat bekerja, dan kemungkinan mereka meletakkan jawatan yang bertujuan

mengukur kepuasan hati bekerja di dalam organisasi media.

Adalah didapati bahawa sebanyak 78% daripada wartawan bercadang meneruskan pekerjaan mereka. Mengenai peluang kenaikan pangkat, 41% menyatakan bahawa peluang itu di dalam organisasi media mereka adalah sederhana baiknya. Mengenai rakan sekerja, 83% daripada responden menyatakannya sebagai amat baik atau sederhana sahaja.

Adalah didapati bahawa mereka yang lebih lama bekerja dengan sesuatu organisasi merasakan kurang berpuashati daripada wartawan yang baru berkhidmat dengan organisasi itu, dan jawapan yang diperolehi adalah ternyata juga bagi wartawan, penyunting dan pengarang. Perasaan ini mungkin timbul kerana selepas berkhidmat beberapa ketika, maka peluang kenaikan pangkat bagi seseorang itu adalah tidak begitu cerah lagi.

Dalam kajian ini, 89% daripada kalangan PR menyatakan bahawa dayausaha dan inisiatif mereka adalah diakui oleh majikan, berbanding dengan 37% daripada kalangan PT yang berkata demikian (lihat Jadual 2).

Mengenai tempat pekerjaan, jumlah wartawan yang menyatakannya sebagai amat baik atau sederhana baik ialah 76%, tetapi jika dibandingkan di antara kalangan PT, PS dan PR, maka 39% daripada PR menyatakan tempat pekerjaan mereka adalah amat baik sekali untuk bekerja. Hanya 26% daripada PT pula yang berkata demikian.

Dalam bidang pelaksanaan tugas, terdapat perbezaan

Jadual 2
Profesionalisme dan Peluang Menggunakan Inisiatif

	Amat Penting	Penting	Tidak Tahu	Tidak Penting	Jumlah
Rendah	29.2	3.5	0	0	32.7
Sederhana	27.4	8.0	0	.9	36.3
Tinggi	11.5	16.8	2.7	0	31.0
Jumlah	68.1	28.3	2.7	.9	100%
N = 113					

di antara PT dan PR terhadap dayausaha dan inisiatif dalam menunaikan kewajipan mereka. Lebih ramai lagi daripada kalangan PR yang menganggapkan majikan menggunakan kebolehan dan inisiatif mereka daripada kalangan PT.

Keberkesanan

Kajian ini juga menyelidiki persepsi sumbangan wartawan terhadap pendapat umum dan keputusan kebangsaan dan sama ada pekerjaan mereka penting atau tidak kepada masyarakat.

Jadual 3
Profesionalisme Dan Keputusan Kebangsaan

	Amat Penting	Penting	Tidak Tahu	Tidak Penting	Amat Tidak Penting	Jumlah
Rendah	23.0	8.0	.9	0	.9	32.7
Seder-						
hana	14.2	18.6	3.5	0	0	36.3
Tinggi	5.3	17.7	5.3	1.8	.9	31.0
Jumlah	42.5	44.2	9.7	1.8	1.8	100%
N =	113					

Satu kajian yang dilakukan di Korea Selatan (Chong & Jin, 1974) mendapati bahawa mereka yang lebih komited merasakan pekerjaan mereka lebih berkesan daripada mereka yang tidak sedemikian.

Kajian ini mendapati bahawa pada keseluruhannya, 97% daripada responden menyatakan bahawa kewartawanan dapat mempengaruhi pendapat umum, tetapi lebih ramai daripada PR menganggapkan kewartawanan mempengaruhi pendapat umum jika dibandingkan dengan PT. Bila ditanyakan mengenai pengaruh kewartawanan terhadap keputusan kebangsaan, 87% menyatakan persetujuan mereka terhadap kenyataan tersebut, tetapi apabila di buat

perbandingan, maka 37% sahaja daripada PT yang berpendapat sedemikian (lihat Jadual 3).

Adalah ternyata bahawa PT adalah skeptikal terhadap pengaruh kewartawanan ke atas keputusan kebangsaan dan juga dalam membentuk pendapat umum. Jawaban yang rendah dari PT menampakkan perbedaan yang amat sangat jika disemak dengan pendapat yang lazim dipercayai oleh umum bahawa kewartawanan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi keputusan kebangsaan atau pendapat umum.

Etika dan Kebudayaan Profesional

Ketika ditanya sama ada perlu para wartawan mengamal satu kod etika atau mereka perlu disahkan kelayakan mereka oleh satu pertubuhan profesional, ternyata juga akan perbezaan pendapat di antara PT dan PR. Sebanyak 79% daripada PR amat bersetuju diadakan satu kod etika untuk diamalkan oleh wartawan-wartawan, tetapi hanya 40% daripada PT yang berpendapat sedemikian.

Mengenai soalan sama ada perlu diadakan satu pertubuhan profesional untuk mengawasi taraf profesional, 96% menyatakannya sebagai amat penting atau sederhana pentingnya, tetapi bila dilihat pada kategori profesionalisme, maka adalah didapati bahawa 89% daripada kalangan PR bersetuju dengan kenyataan tersebut berbanding dengan 43% daripada kalangan PT.

Kajian oleh Lattimore dan Nayman (1974) terhadap para wartawan di Colorado, Amerika Syarikat, mendapati

bahawa lebih ramai PR daripada PT yang bersetuju diadakan pertubuhan profesional untuk mengawasi kod etika serta membenarkan pertubuhan tersebut mengambil tindakan yang sesuai untuk menjaga taraf profesionalisme. Hasil yang sama juga didapati di antara para wartawan di Kanada (Wright, 1976).

Jelas kelihatan akan perbezaan yang terdapat di antara PR dan PT dalam soalan kod etika dari segi mengadakan pertubuhan profesional untuk mengesah dan mengawasi taraf profesi, di mana lebih ramai PR dari PT yang menyatakan persetujuan mereka. Ini mungkin menampakkan sikap skeptikal PT terhadap cadangan mengadakan kod etika dan bagi pertubuhan profesional mengawasi taraf profesionalisme bagi wartawan bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di Amerika Syarikat, India, negara Turki, dan Kanada.

Perbincangan

Seramai 113 orang wartawan daripada 11 buah akhbar dan BERNAMA telah dikaji untuk mengetahui akan sikap profesionalisme mereka. Skel yang digubalkan oleh McLeod dan Hawley (1964) telah digunakan dalam kajian ini. Dengan menggunakan formula Nayman (1973), maka tiga kumpulan, iaitu kumpulan Profesional Tinggi (PT), Profesional Sederhana (PS) dan Profesional Rendah (PR), telah diwujudkan. Tiga golongan itu adalah didapati berbeza di dalam beberapa isu, seperti peranan kewartawanan dalam pembangunan negara, keputusan

kebangsaan dan pendapat umum. Mereka juga diminta memberikan pendapat bagi mengadakan kod etika, sama ada perlu diadakan pertubuhan profesional untuk mengesahkan seorang itu sebagai seorang wartawan dan mengambil tindakan yang sesuai untuk memelihara taraf profesional tersebut.

Ternyata terdapat perbezaan di antara PT dan PR terhadap isu-isu yang telah dikemukakan, seolah-olah PT bersikap skeptikal terhadap perkara-perkara tersebut. Hasil yang sama telah diperolehi oleh Eapen (1969) di India, Nayman (1970) di Turki, Wright (1974) di Kanada. McLeod dan Hawley (1964) dan McLeod dan Rush (1969) mendapati bahawa PT adalah lebih kritikal terhadap akhbar mereka daripada PR.

Setakat ini ukuran McLeod dan Hawley telah digunakan untuk mengkaji profesionalisme kewartawanan di Amerika Syarikat, Amerika Selatan, Kanada, India, negara Turki dan di Malaysia. Ukuran yang asal menggunakan 24 soalan tetapi kajian lain (Slattery dan Fosdick, (1977), Wright, (1974) telah menggunakan 22 soalan dan mereka telah menemui hasil yang sama. Kajian ini telah menggunakan 15 soalan, dan hasil yang ditemui adalah sama juga. Mungkin dimensi soalan untuk ukuran bukan profesional itu tidak dapat membezakan mereka daripada soalan yang berukuran profesional. Malahan Windhl dan Rosengren (1978) telah menganggapkan soalan bukan profesionalisme itu sebagai soalan untuk mengukur index keselamatan dalam pekerjaan.

Setakat ini ukuran yang digunakan pada asasnya

menampakkan satu ukuran yang dapat digunakan bagi mencari sikap profesionalisme bukan sahaja pada para wartawan, tetapi juga di kalangan pengiklan, jurugambar dan perhubungan awam.

RUJUKAN

- ALSOP, JOSEPH, dan ALSOP, STEWARD (1958) *The Reporter's Trade*. New York: Raynal and Co.
- BECKER, LEE B, SOBOWALE, IDOWU A., dan COBBEY, ROBIN E. (1974). "Reporters and their Professional and Organizational Commitment." *Journalism Quarterly*. Winter:753-763/770.
- BREED, WARREN. (1955) "Social Control in the Newsroom: A Functional Analysis." *Social Force* 33.
- CARR SAUNDERS, A.M. and WILSON, P.A. (1953). *The Professions*. Oxford: Clarendon Press.
- KIM CHONG LIM and OH, JIN HWAN (1974). "Perceptions of Professional Efficacy Among Journalists in a Developing Country." *Journalism Quarterly Spring*, 1974.
- COLDWELL, THOMAS (1974). "Professionalization and Performance Among Newspaper Photographers." *GAZETTE* 25:73-81.
- COLDWELL, THOMAS (1970). "Professionalism and Performance Among Newspaper Photographers." Master of Arts (tidak diterbitkan), University of Wisconsin.
- EAPEN, EAPEN K. (1969). *Journalism as a Profession in India: A Study in Two States and Two Cities*. Disertasi Ph.D (tidak diterbitkan) University of Wisconsin.
- EDELSTEIN, ALEX (1982). *Comparative Communication Research*. Beverly Hills: Sage Publications.
- GALLAGHER, WES (1971). "A Case for the Professional." *Nieman Reports* XXV.
- GOODE, WILLIAM J. (1960) "Encroachment, Charlatanism, and the Emerging Professions: Psychology, Sociology, and Medicine." *American Sociological Review* 25.
- GREENWOOD, ERNEST (1966). "The Elements of

- "Professionalism" dalam VOLLMER, HOWARD M., dan MILLS, DURALD L (ed). *Professionalization*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- GREY, DAVID L. dan GERALD, EDWARD J. (1964) "How the Newsman Lives - A Self Image Study." Kertas kerja dibentangkan dalam Association for Education Austin, Texas.
- HOHENBERG, JOHN (1973). *The Professional Journalist*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- IDID, SYED ARABI. (1973). "The Professionalization of Public Relations Practitioners." Perhubungan 1.
- _____. (1978). "Public Relations: A Glimpse of the Practitioners in Malaysia." *Media Asia* 5.
- IDSVOOG, KARL dan HOYT, JAMES L (1977). *Professionalism and Performance of Television Journalists*. Master of Arts (tidak diterbitkan), University of Wisconsin.
- JOHNSTONE, JOHN W.C., SLAWSKI, EDWARD J, dan BOWMAN, WILLIAM W. (1973/74). "The Professional Values of American Newsmen." *Public Opinion Quarterly* 36: 522-540.
- KIMBELL, PENN. (1967). "Journalism: Art, Craft or Profession?" dalam LYNN, KENNETH E. (ed). *The Professions in America*. Boston: Beacon Press.
- LATTIMORE, DAN L. dan NAYMAN, OGUZ B. (1974). "Professionalism of Colorado's Daily Newsmen: A Communicator Analysis." *GAZETTE* XX:1-10.
- LATTIMORE, DAN L. (1972). *Professionalism and Performance: An Investigation of Colorado Daily Newspapers*. Disertasi Ph.D (tidak diterbitkan) University of Wisconsin.
- LEROY, DAVID J. (1972-73). "Levels of Professionalism in a Sample of Television Newsmen." *Journal of Broadcasting* 17:51-61.
- _____. (1971). *Measuring Professionalism in a Sample of Television Journalists*. Disertasi Ph.D (tidak diterbitkan) University of Wisconsin.
- MASLOG, CRISPIN (1969) "Profile of the Philippine Community Newspapers and Editors." *Journalism Quarterly* 46:337-341.
- MCLEOD, JACK M., dan HAWLEY, SEARLE E. Jr. (1964) "Professionalization Among Newsmen." *Journalism Quarterly Autumn*: 529-538.
- MCCROME, DONALD J. dan CNUDDE (1967). "Toward a

Professionalization of Canadian Journalists."
Disertasi Ph.D (tidak diterbitkan) University of
Wisconsin.
_____(1974). "An Analysis of the Level of
Professionalism Among Canadian Journalists."
Gazette XX:133-144.